

**PERJANJIAN MALAYSIA 1963 DALAM
KONTEKS NEGERI SARAWAK: HAK
AUTONOMI DALAM ISU-ISU TERPILIH**

SUZANNE ANAK ATAR



PERPUSIAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

**PERJANJIAN MALAYSIA 1963 DALAM
KONTEKS NEGERI SARAWAK: HAK AUTONOMI
DALAM ISU-ISU TERPILIH**

SUZANNE ANAK ATAR



UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH (SEJARAH)**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: PERJANJIAN MALAYSIA 1963 DALAM KONTEKS NEGERI SARAWAK:
HAK AUTONOMI DALAM ISU-ISU TERPILIH

IJAZAH: DOKTOR FALSAFAH (SEJARAH)

Saya SUZANNE ANAK ATAR, Sesi Pengajian 2018-2020, mengaku membenarkan tesis Doktor Falsafah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)



SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,



(Tandatangan Penulis)


ALBERTO ANING
PUSHTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

Alamat Tetap :

Tarikh : 18 November 2020

(A Rahman Tang Abdullah)
Penyelia

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Doktor Falsafah ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

18 November 2020



Suzanne Anak Atar
DA1721020T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **SUZANNE ANAK ATAR**
NO MATRIK : **DA1721020T**
TAJUK : **PERJANJIAN MALAYSIA 1963 DALAM KONTEKS
NEGERI SARAWAK: HAK AUTONOMI DALAM
ISU-ISU TERPILIH**

IJAZAH : **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**
TARIKH VIVA : **13 OKTOBER 2020**

DISAHKAN OLEH

1. PENYELIA

PROF. MADYA DR. A. RAHMAN TANG ABDULLAH

Tandatangan

.....

2. PENYELIA BERSAMA

EN. BASZLEY BEE B. BASRAH BEE

Tandatangan

.....



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan dengan berkat dan kebaikanNya saya berpeluang membuat kajian tentang Perjanjian Malaysia 1963 Dalam Konteks Negeri Sarawak.

Pertama sekali, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Prof Madya Dr. A. Rahman Tang Abdullah selaku penyelia utama saya kerana telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk melaksanakan tajuk kajian ini. Di sepanjang proses menyiapkan kajian ini, beliau sentiasa melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sebagai seorang penyelia dengan memantau proses gerak kerja kajian ini, memberikan tunjuk ajar serta nasihat yang sangat berguna sehingga selesainya proses penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan En. Baszley Bee bin Basrah Bee selaku penyelia kedua saya kerana sentiasa menjadi penyokong kuat kepada saya di sepanjang proses perjalanan untuk saya menghabiskan pengajian dan kajian saya ini.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak Yayasan Sarawak kerana menganugerahkan biasiswa Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) dan membiayai yuran pengajian saya. Sokongan kewangan daripada YBSTAR telah banyak meringankan bebanan kewangan sehingga membolehkan saya menyiapkan kajian saya sehingga ke garisan penamatnya. Ribuan terima kasih saya ucapkan juga kepada kakitangan pihak pengurusan Dewan Undangan Negeri Sarawak, Jabatan Arkib Negara Cawangan Sarawak, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Cawangan Negeri Sarawak, Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Jabatan Perangkaan dan Statistik Malaysia Cawangan Negeri Sarawak, Jabatan Muzium Negeri Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak dan Pusat Repositori dan Rekod Negeri Sarawak kerana tidak jemu menerima kedatangan saya serta membantu dalam memberikan penerangan yang sangat terperinci untuk dapatan maklumat kajian yang saya perlukan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada responden saya yang terdiri daripada En. Matthew Anak Dominic Barin selaku mantan Pengarah SPA Cawangan Negeri Sarawak kerana memberikan kerjasama yang padu dengan memberikan ulasan yang bernas terhadap setiap persoalan yang saya lontarkan kepada beliau. Begitu juga dengan responden lain yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu di sini. Teristimewa buat kedua ibu dan bapa saya Atar Sito dan Juhit Ngutip, adik-beradik, Ronnie, Cassandra, Cyntia, Emelliea, Andrew dan Harrison; ibu dan bapa saudara saya, Nancy Nesine Ngutip, Clement Tuee dan Tracy Resly Ngutip yang sentiasa menyokong saya untuk terus menimba ilmu sehingga ke peringkat yang paling tinggi sekali.

Tidak lupa juga buat rakan-rakan saya yang sentiasa memberikan kata-kata motivasi buat saya untuk menghabiskan pengajian di peringkat PhD. Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan untuk semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan kajian tesis ini. Sesungguhnya, perjalanan yang ditempuhi dari awal permulaan perjalanan sehingga tamatnya pengajian di peringkat Doktor Falsafah ini sangat dipenuhi dengan limpahan

keberkatan, kesyukuran dan terasa limpahan kasih sayang serta rasa diberkati oleh yang Maha Esa.

Suzanne Anak Atar
18 November 2020



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis isu-isu terpilih berkenaan hak autonomi negeri Sarawak yang dikaitkan dengan Perjanjian Malaysia 1963 (*Malaysia Agreement of 1963*) yang juga sering dikenali sebagai MA63. Perbincangan berkenaan kedudukan perundangan ini adalah berkisar mengenai penyertaan Sarawak di dalam pembentukan Malaysia melalui MA63. Natiujahnya, Sarawak telah memperoleh kemerdekaannya sebagai sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia. Hak autonomi dalam MA63 merujuk kepada hak-hak istimewa dan jaminan perlembagaan yang kemudiannya termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia tahun 1963. Dalam hal ini, perbincangan khusus diberikan kepada hak autonomi dalam pendidikan dan Borneonisasi yang merupakan dua perkara penting dalam MA63 bagi kajian ini. Walau bagaimanapun, didapati bahawa hujah Sarawak yang menjadikan MA63 sebagai satu cara untuk menuntut royalti minyak dan gas kepada Kerajaan Persekutuan yang sebenarnya tidak berkaitan langsung dengan peruntukan hak autonomi yang diberikan semasa MA63. Kaedah kajian yang digunakan adalah melalui rujukan dokumen dari arkib, handsard dari parlimen dan Dewan Undangan Negeri, pembacaan sumber sekunder dari buku ilmiah dan kaedah temubual bersama dengan responden yang berkaitan dengan kajian ini. Kajian mendapati bahawa segala tuntutan yang dikemukakan oleh Sarawak melalui proses perundangan adalah suatu tuntutan yang tidak lagi relevan kerana setiap tuntutan hak yang dikemukakan sudah melalui prosedur perundangan yang sah di sisi undang-undang Malaysia dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Tuntutan ke atas hak autonomi seperti bidang pendidikan dalam MA63 sebenarnya adalah hak autonomi yang dilihat diletakkan sebagai terma perjanjian melalui "syarat terbuka" dan boleh diubah berdasarkan pelaksanaan kerajaan negeri setelah berada di dalam Persekutuan Malaysia. Hak autonomi ke atas perkara Borneonisasi telah lama diselesaikan melalui perjanjian yang dilakukan oleh Kerajaan British, Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. Manakala bagi isu royalti minyak dan gas ianya adalah suatu keputusan yang dibuat bagi perkara yang telah diperakukan oleh pemerintah kerajaan selepas MA63 dan Pembentukan Malaysia 1963.

ABSTRACT

MALAYSIA AGREEMENT OF 1963 IN SARAWAK CONTEXT: THE AUTONOMOUS RIGHTS IN SELECTED ISSUES

This study analyses selected issues in relations to the autonomous rights of the State of Sarawak that are associated with the Malaysia Agreement of 1963 or also commonly known as MA63. The discussion on this legal position is based on Sarawak's participation in the formation of Malaysia under MA63. Accordingly, Sarawak obtained its independence as a state in the Federation of Malaysia. Autonomous rights in MA63 referred to special rights and constitutional safeguards which were then stipulated in the Constitution of Malaysia of 1963. In this respect, specific discussion is given to the autonomus rights in education and Borneonisation as important matters in MA63 for this research. However, it is also discovered that Sarawak's argument to make the MA63 as a way to claim oil and gas royalties from the Federal Government is not directly related to the allocation of autonomy granted during MA63. The methodology used was through reference of archives, handsards from parliament and the State Assembly, reading of secondary sources from scholarly books and conducting interviews with respondents related to this study. The study found that every claim brought by Sarawak through the legal process is no longer relevant because every claim of rights found has been through legal procedure in accordance with the laws of Malaysia and the Federal Constitution of Malaysia. Claims of autonomy such as education in MA63 are in fact autonomous rights that are viewed as terms of agreement through "open conditions" and can be modified based on the operation of the state government after being in the Federation of Malaysia. Autonomic rights over Borneonisation has long been settled by an agreement made by the British Government, Malaya, Sarawak and Sabah. Whereas on the issue of oil and gas royalties, decisions were reached by the government after MA63 and the Formation of Malaysia 1963.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
<i>ABSTRACT</i>	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Skop Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Metodologi Kajian	10
1.7 Sorotan Literatur	11
1.8 Pembahagian Bab	26
1.9 Kesimpulan	28
BAB 2: SEJARAH KEMUNCULAN SARAWAK SEBAGAI SEBUAH ENTITI POLITIK	
2.1 Pengenalan	30
2.2 Dinasti Brooke dan permulaan pembentukan negeri Sarawak	31
2.3 Dasar pemerintahan Dinasti Brooke ke atas Sarawak	35
2.4 Sarawak semasa pendudukan Jepun	38
2.5 Berakhirnya pemerintahan Dinasti Brooke dan siri Gerakan Anti Penyerahan	44
2.6 Sarawak sebagai tanah jajahan British	50
2.7 Ikatan Bersama British dalam Meniti Perjalanan daripada Sebuah Negeri Lindungan ke Berstatus Tanah Jajahan British	55
2.8 Sarawak dalam Radar Penggabungan Wilayah	61
2.9 Dasar Dekolonisasi British terhadap Jajahan	73
2.10 MA63 Membezakan Taraf antara Sarawak dengan Negeri Lain di Malaysia	79
2.11 Kesimpulan	82

BAB 3:	HAK KEISTIMEWAAN DAN <i>STATUS QUO</i> NEGERI SARAWAK MELALUI MA63 DALAM PENUBUHAN MALAYSIA	
3.1	Pengenalan	86
3.2	Penubuhan Suruhanjaya Cobbold dan Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan	87
3.3	Keabsahan Tarikh 9 Julai 1963	101
3.4	Status Perundangan Mengenai <i>Status Quo</i> Sarawak	108
3.5	Signifikasi Tarikh 9 Julai 1963 dan MA63	112
3.6	Perundangan yang Masih Relevan	119
3.7	Kesimpulan	125
BAB 4:	ISU PENDIDIKAN DALAM HAK AUTONOMI NEGERI SARAWAK	
4.1	Pengenalan	128
4.2	Sistem pendidikan di Sarawak selepas Penubuhan Malaysia	129
4.3	Autonomi Sarawak dalam Pendidikan selepas Penubuhan Malaysia	140
4.4	Kesan Penggubalan Undang-Undang Akta Pelajaran 1961	141
4.5	Pindaan Akta Pelajaran 1961	147
4.6	Perlaksanaan Penggunaan Bahasa Malaysia dalam Sistem Pendidikan	164
4.7	Isu Tuntutan Autonomi Pendidikan Kerajaan Negeri Sarawak	175
4.8	Kesimpulan	176
BAB 5:	ISU BORNEONISASI DAN HAK AUTONOMI SARAWAK DALAM PERJAWATAN AWAM	
5.1	Pengenalan	181
5.2	Dasar Penamatan Perkhidmatan Pegawai Ekspatriat British di Borneo	182
5.3	Skim Pampasan bagi Pegawai Ekspatriat British di Borneo	191
5.4	Borneonisasi Mengikut Laporan IGC 1962	192
5.5	Kepentingan Lampiran B dalam Laporan IGC	195
5.6	Borneonisasi dalam MA63	208
5.7	Dasar Perjawatan Awam	212
5.8	Sektor Perkhidmatan Awam selepas Penubuhan Malaysia 1963	214
5.9	Borneonisasi selepas Setengah Abad Sarawak Merdeka	217
5.10	Statistik Perlantikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia	224
5.11	Kesimpulan	231
BAB 6:	ISU ROYALTI MINYAK DAN GAS ASLI SARAWAK	
6.1	Pengenalan	239
6.2	Sejarah Awal Perlombongan Minyak di Sarawak	241

6.3	Kedudukan Minyak dan Gas Sarawak selepas Penubuhan Malaysia 1963	246
6.4	Pengoperasian PETRONAS dalam Industri Minyak dan Gas	253
6.5	Rentetan Perbahasan Tuntutan Hak Royalti Minyak Sarawak	257
6.6	Empat Asas Utama Tuntutan Hak Pemilikan Minyak dan Gas Negeri Sarawak	261
	6.6.1 <i>Sarawak Alteration Boundaries 1954</i>	261
	6.6.2 <i>Oil Mining Ordinance 1958 dan Sarawak Land Code</i>	269
	6.6.3 Pengisytiharan Darurat 1969	273
6.7	Penyertaan PETRONAS dalam industri minyak dan gas Sarawak	279
6.8	Prestasi Perolehan Pendapatan Royalti Negeri Sarawak	282
6.9	Kedudukan Hasil Bumi Sarawak	287
6.10	Perolehan Fiskal Negara Daripada Perjanjian Konsesi kepada <i>Production Sharing Contract (PSC)</i>	293
6.11	Latihan Tenaga Mahir dan perbekalan Sumber Tenaga Mahir dalam Kalangan Anak Sarawak	297
6.12	Perolehan Kontrak dalam Kalangan Bumiputera dan Anak Sarawak	301
6.13	Kesimpulan	305
BAB 7: RUMUSAN		309
RUJUKAN		319
LAMPIRAN		348



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 4.1: Literasi* bagi populasi berumur 10 tahun dan ke atas bagi Sarawak	131
Jadual 4.2: Pendidikan menengah dan universiti mengikut komuniti: Kedudukan populasi pada tahun 1960 yang berumur 10 tahun dan ke atas	132
Jadual 4.3: Table V - (cont.) List of Federal Ordinances and Act Applicable To Sarawak	141
Jadual 4.4: Table V - (cont.) List of Federal Ordinances and Act Applicable To Sarawak	158
Jadual 4.5: Table V - (cont.) List of Federal Ordinances and Act Applicable To Sarawak	161
Jadual 4.6: Bilangan Sekolah Rendah Aliran Bahasa Malaysia di Sarawak	166
Jadual 5.1: Perbandingan jumlah di antara para guru yang berasal dari negeri Sarawak dan bukan Sarawak yang mengajar di negeri Sarawak	222
Jadual 5.2: Statistik Urusan Perlantikan Mengikut Kumpulan Keturunan Dan Bilangan Individu Seluruh Malaysia	225
Jadual 5.3: Statistik Urusan Perlantikan Calon Lahir Negeri Sarawak Mengikut Keturunan dan Bilangan Individu	228
Jadual 6.1: Pengeluaran Minyak Mentah di Lutong, Miri, Sarawak	244
Jadual 6.2: Jumlah Pendapatan Pengeluaran Minyak Mentah Sarawak	245
Jadual 6.3: Jumlah Pembayaran Royalti Minyak	285
Jadual 6.4: Jumlah Pembayaran Royalti Gas	286
Jadual 6.5: Jumlah Pembayaran Syer MLNG Kepada Kerajaan Negeri Sarawak	286
Jadual 6.6: SENARAI KANDUNGAN: Perdagangan, perkara komersial dan perindustrian mengikut lunas Perlembagaan Malaysia Jadual 9 Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan	289
Jadual 6.7: Peruntukan soal perdagangan, komersial dan perindustrian di bawah bidang kuasa Senarai Persekutuan Mengikut Perjanjian IGC, Malaysia Agreement 1963 atau Perjanjian Malaysia 1963 dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia	290

SENARAI SINGKATAN

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak
AMDA	Anglo - Malayan Defence Agreement
AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti
CPA	Commonwealth Parliamentary Association
DAP	Democratic Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DP	Democratic Party
DUN	Dewan Undangan Negeri
EAC	Eastern Archipelago Company
H.C.E	Higher School Certificate
I.T.M	Institut Teknologi MARA
IGC	Inter-Governmental Committee
JAK	Jawatankuasa Antara Kerajaan
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
L.C.E	Lower Certificate of Education
LNG	Liquid Natural Gas
M.C.E	Malaysia Certificate of Education
MA63	Malaysia Agreement 1963
MCA	Malayan Chinese Association
MIC	Malayan Indian Congress
MSCC	Malaysian Solidarity Consultative Committee
NGO	Non-Governmental Organization
OMO 1958	Oil Mining Ordinance 1958
PDA 1974	Petroleum Development Act 1974
PETRONAS	Petroleum Nasional Berhad
PPM	Persatuan Melayu Muda
PSC	Production Sharing Contract
RMK	Rancangan Malaysia Ke
RSC	Risk Service Contract
RUU	Rang Undang-Undang
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SRJK (C)	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina
SRJK (T)	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil
STAR	State Reform Party
SUPP	Sarawak United Progressive Party
T.Y.T	Tuan Yang Terutama
UNICEF	Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UNKO	United Kadazan National Organisation
UP	United Party

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
LAMPIRAN A Annex A to 124	348
Annex B to 124	350
LAMPIRAN B Perbandingan Senarai Tuntutan Rakyat Sarawak Menerusi Tiga Medium Suara Utama Mengenai Hak Perlindungan Khas yang Dikemukakan	353
LAMPIRAN C Perincian Lampiran Dalam MA63	358
LAMPIRAN D Penyata IGC dan Isi Kandungan	359
LAMPIRAN E Saranan Perundangan yang Telah Dipatuhi: Perbandingan Berdasarkan Penyata IGC, RUU Malaysia 1963 dan Akta Malaysia 1963.	360
LAMPIRAN F Perkara baharu yang dimasukkan serta perkara tambahan kepada perkara yang sedia wujud dalam Akta Malaysia 1963 hasil pindaan daripada Penyata IGC	369
LAMPIRAN G Perbandingan beberapa penambahan kepada perkara yang sedia wujud dalam Jadual 9 dalam RUU Malaysia MA63, Akta Malaysia 1963 dengan Jadual 9 Senarai 9 Perlembagaan Persekutuan	371

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini akan membincangkan isu-isu terpilih dalam polemik perundangan yang merujuk kepada hak autonomi Sarawak yang dikaitkan dengan Perjanjian Malaysia 1963 (*Malaysia Agreement of 1963*). Berdasarkan kepada nama perjanjian tersebut, ia akan dirujuk sebagai singkatan MA63 kerana perkataan ini sememangnya diguna pakai secara meluas dalam isu yang dikaitkan dengan hak autonomi negeri bagi Sarawak dan Sabah. Ini dapat dilihat secara eksklusif khususnya di dalam tuntutan perundangan yang diketengahkan oleh Sarawak pada masa kini. Sebelum Penubuhan Malaysia, Sarawak merupakan kawasan wilayah yang pernah ditadbir dan diperintah sebagai jajahan takluk di bawah kedaulatan Kesultanan Brunei sehingga abad ke-19.

Pembentukan Negeri Sarawak sebagai satu entiti politik hanya berlaku pada zaman pemerintahan dinasti Raja Putih yang diasaskan oleh James Brooke pada tahun 1841. Dinasti Raja Putih ini telah memerintah selama lebih 100 tahun (1841-1846). Negeri Sarawak ini kemudiannya telah diserahkan kepada Britain pada tahun 1946 iaitu selepas Perang Dunia Kedua (1941-1945). Justeru, Negeri Sarawak telah ditadbir sebagai Tanah Jajahan Mahkota sehingga penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Gagasan Malaysia yang ingin menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Borneo Utara dan Brunei adalah berpunca dari satu polisi yang diperkenalkan oleh Kerajaan British yang dinamakan *Grand Design*. *Grand Design* dirangka mengambil kira pelbagai sudut dari segi faktor ekonomi, pertahanan serta sosial yang melibatkan kepentingan bersama British dan Persekutuan Tanah Melayu (Malaya), Singapura serta tiga wilayah Borneo tersebut iaitu Sarawak, Sabah dan Brunei.

Akhirnya, gagasan Malaysia yang berjaya menggabungkan Malaya, Singapura, Sarawak dan Sabah telah direalisasikan dengan termeterinya MA63 yang

telah ditandatangani di London pada 9 Julai 1963. Berpandukan kepada keterikatan undang-undang melalui MA63 ini, ia telah membawa kepada penubuhan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

1.2 Permasalahan Kajian

MA63 mempunyai kepentingannya bukan sahaja sebagai satu dokumen sejarah tetapi ia juga diaplikasikan dalam isu perundangan di Malaysia pada masa kini. MA63 ini telah dikaitkan dengan isu perundangan yang sebenarnya disandarkan kepada fakta sejarah. Namun, perkara ini mempunyai permasalahannya yang kompleks apabila ia diaplikasikan kepada isu perundangan pada masa kini. Persoalan ini merujuk kepada sudut pandang yang terdapat di Sarawak yang memperlihatkan bahawa asas keterikatan perundangan (*legal binding*) berhubung dengan penyertaan dua negeri tersebut dalam Persekutuan Malaysia yang bersandarkan kepada MA63. Dalam konteks ini, MA63 mempunyai keabsahan (*legitimacy*) dan keunggulannya yang tersendiri lebih-lebih lagi dalam konteks sejarah penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963.

Hal ini kerana ia mengandungi peruntukan perundangan berkenaan hak istimewa dan jaminan perlembagaan yang diberikan kepada Sarawak berhubung dengan penyertaan negeri tersebut dalam Persekutuan. Namun begitu, tampaknya wujud kekeliruan terhadap aplikasi perundangannya dalam konteks masa kini. Ini merujuk kepada tuntutan politik dan tindakan perundangan yang sedang diperjuangkan untuk mengembalikan status Sarawak berteraskan terma dan peruntukan yang termaktub dalam MA63. Perkara ini menimbulkan permasalahan perundangan kerana ia mempersoalkan *status quo* kesamaan taraf bagi kesemua negeri di Malaysia yang tertakluk kepada satu kerangka asas Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang seragam dan sama.

Kekeliruan ini bertambah kompleks apabila terdapatnya tanggapan bahawa MA63 seolah-olah lebih unggul daripada Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana terdapat gambaran bahawa kesemua perkara yang dikemukakan berkenaan tuntutan Sarawak yang dinafikan oleh Kerajaan Persekutuan pada masa kini adalah menyalahi

peruntukan perundangan sebagaimana yang termaktub dalam MA63. Sebenarnya, asas perlembagaan ini telah mengambil kira hak keistimewaan dan jaminan perlembagaan yang diberi kepada negeri Sabah dan Sarawak. Perkara ini telah diiktiraf melalui hasil Laporan Suruhanjaya Cobbold dan Laporan Suruhanjaya Antara Kerajaan (*Inter-Governmental Committee*) yang lebih dikenali sebagai IGC. Kedua-dua dokumen ini yang sememangnya mempunyai perkaitan kesinambungannya dengan MA63. Ini kerana kerangka perundangan dan perkara-perkara asas dalam kedua dokumen tersebut telah diserap ke dalam MA63.

Namun begitu, terdapat pihak yang masih mempersoalkan keabsahan Laporan Suruhanjaya Cobbold yang mewakili suara majoriti rakyat di negeri tersebut yang menyokong Gagasan Malaysia pada tahun 1962. Polemik ini semakin ditambah dengan isu yang dikaitkan dengan dua memorandum iaitu 20 dan 18 Perkara juga sering kali dikaitkan sebagai satu asas kukuh dari segi undang-undang yang sah dan perlu dikuatkuasakan serta di hormati oleh semua pihak. Situasi ini berlaku disebabkan oleh *status quo* atau kedudukan yang dilihat lebih memihak kepada kepentingan Malaya yang menimbulkan keadaan yang dilihat sebagai tidak adil kepada Sarawak ekoran daripada pandangan yang dikaitkan dengan isu undang-undang ini. Malahan, pengisytiharan hari kemerdekaan Sarawak pada 22 Julai 1963 yang sebenarnya hanyalah sebuah mitos telah menimbulkan kekeliruan ramai rakyat di negeri ini.

Meskipun yang demikian, kekeliruan masih timbul sama ada sebenarnya Sarawak merdeka atau belum merdeka sebelum 16 September 1963. Mengikut prinsip sejarah perundangan, keabsahan penubuhan Malaysia sebenarnya bergantung penuh kepada MA63 dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang sebenarnya merupakan Rang Undang-Undang Malaysia (RUU Malaysia) dalam Lampiran A MA63. RUU Malaysia yang kemudiannya telah dilulus serta diwartakan sebagai Perlembagaan Persekutuan Malaysia tahun 1963 meletakkan asas perundangan bagi Sarawak sebagai dua negeri dalam Persekutuan Malaysia.

Walau bagaimanapun, terdapat pandangan yang menunjukkan timbulnya kekeliruan dalam memahami konteks perundangan pada masa dahulu yang

sebenarnya menjadi garis panduan bagi diguna pakai pada tafsiran kepada perkembangan selepas itu. Apabila pemahaman rakyat dipengaruhi kuat dengan perspektif semasa yang dikemukakan oleh sarjana dalam bidang undang-undang perlembagaan dan sains politik, maka tafsiran ini lebih condong ke arah mengetengahkan pendapat dan sudut pandang berkenaan aspek undang-undang yang mencabar pemahaman sejarah mengenai kedudukan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia. Justeru itu, timbul pelbagai masalah daripada pandangan mereka ini yang ditambah pula dengan kecenderungan politik semasa yang memanipulasikan sejarah sebagai sumber keabsahan.

Sejak kebelakangan ini, Sarawak dilihat begitu lantang bersuara mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan hak autonomi negeri dengan menggunakan pendekatan *sentimental value* dalam membangkitkan sesetengah perkara. Tuntutan Sarawak pada hari ini mengambil dua latar iaitu latar semasa MA63 dan juga tuntutan selepas MA63. Pada sekitar tahun 2016 Sarawak menyekat pergerakan rakyat warganegara ini daripada memasuki Sarawak bagi menjalankan aktiviti politik mereka ke dalam negeri tersebut. Sekatan itu adalah kerana dianggap memberi ancaman keselamatan dan mewujudkan ketidakharmonian rakyat di negeri Sarawak. Tindakan ini dilakukan sebagai satu cara Sarawak menggunakan hak keistimewaan imigresen, tapi ia dilihat telah mencabuli undang-undang Perlembagaan Malaysia.

Tindakan ini dilihat begitu bertentangan jika mengikut dalam siri laporan IGC dalam Bab III Perkara 16 (f)(iv) yang memperuntukan kemasukan rakyat dari luar Sarawak untuk bebas mengamalkan amalan demokrasinya di Sarawak. Selain itu, soal autonomi pendidikan juga telah dipertikai apabila negeri Sarawak meminta Kerajaan Persekutuan mengembalikan autonomi pendidikan negeri tersebut berdasarkan MA63. Agenda penggunaan Bahasa Inggeris dan juga autonomi guru dalam kalangan anak Sarawak diangkat melalui isu autonomi pendidikan. Seterusnya pada tahun 2015 pula, isu Borneonisasi telah dibangkitkan yang mengkehendaki lebih ramai anak tempatan negeri ini menjawat jawatan dalam perjawatan awam Persekutuan Malaysia di negeri mereka sendiri.

Namun begitu, terdapat juga beberapa perkara dalam tuntutan Sarawak yang boleh dipertikaikan termasuk dalam peruntukan MA63. Sarawak sering menganggap sebarang pindaan perundangan atau penggubalan undang-undang yang dibuat selepas MA63 mestilah mengikut terma perjanjian tersebut. Ini kerana Sarawak sering kali membangkitkan isu-isu semasa yang tidak terdapat dalam MA63 akan tetapi Kerajaan Negeri Sarawak tetap juga berbalik kepada fakta sejarah dan mengaplikasikan perkara sebelum dan selepas MA63 kepada konteks sejarah. Dalam perkara berkenaan hak industri minyak dan gas, Sarawak menggunakan autoritinya sebagai negeri yang boleh mengeluarkan lesen perlombongan seperti mana yang telah diperuntukan di dalam senarai negeri.

Selain itu, Akta 750 iaitu Akta Laut Wilayah 2012 juga telah mendapat tentangan daripada kerajaan negeri kerana dikatakan Sarawak mempunyai hak ke atas perairan mengikut perundangan *Sarawak (Alteration of Boundaries) Order in Council*, 1954 dan juga Ordinan Perlombongan Minyak 1958. Oleh yang demikian, Akta Wilayah Laut 2012 dianggap oleh Kerajaan Negeri Sarawak sebagai "tidak sah dan terbatal". Berdasarkan kepada kompleksiti berkenaan pentafsiran terhadap MA63 tersebut, kajian ini akan menilai sejauh manakah keabsahan MA63 boleh menandingi Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang telah termaktub dalam perlembagaan Malaysia dalam konteks negeri Sarawak. Persoalan-persoalan utama yang berkaitan dengannya adalah seperti berikut;

- i. Apakah isu politik dan perundangan yang menjadi kerangka dalam dasar dan proses dekolonisasi Britain terhadap kemerdekaan wilayah dan kaitannya dengan penubuhan Malaysia?
- ii. Sejauh manakah isu berkaitan hak autonomi Sarawak dalam sektor pendidikan yang dibangkitkan masih boleh didasarkan kepada MA63?
- iii. Sejauh manakah soal Borneonisasi boleh atau sepatutnya dilaksanakan berdasarkan kepada MA63?
- iv. Sejauh manakah kebenaran tuntutan royalti minyak dan gas termasuk dalam hak autonomi Sarawak yang termasuk dalam ruang lingkup MA63?

1.3 Objektif Kajian

Objektif pertama adalah membincangkan isu politik dan perundangan dalam dasar dan proses dekolonisasi Britain terhadap kemerdekaan wilayah dan kaitannya dengan penubuhan Malaysia. Melalui objektif ini, matlamat yang ingin disampaikan adalah untuk menjelaskan mengenai dasar pemerintahan yang dikenakan oleh British sebagai kuasa penjajah setelah mengambil alih negeri tersebut daripada keluarga Brooke. Setelah British mengambil alih Sarawak, Kerajaan British telah dilihat melalui satu fasa yang mana mereka bersedia untuk melepaskan koloninya untuk menjadi tanah jajahan yang bebas merdeka. Oleh yang demikian, dasar yang dilakukan oleh British lebih dikenali sebagai dasar dekolonisasi. Sepanjang ke arah dekolonisasi, terdapat pelbagai proses, terutamanya yang melibatkan proses perolehan kemerdekaan Sarawak melalui sebuah negara yang sudah merdeka iaitu Tanah Melayu.

Bagi mencapai matlamat tersebut, pelbagai langkah diambil untuk menyediakan Kerajaan Sarawak ke arah proses dekoloniasasi. Antaranya pengumuman mengenai Penubuhan Malaysia, penubuhan Suruhanjaya Cobbold yang mana sekaligus melibatkan proses perundangan apabila termeterainya MA63. Oleh itu, objektif ini akan menerangkan lanjut mengenai proses yang melibatkan persoalan mengenai taraf kedaulatan, legitimasi, *status quo* dan terma konfederasi yang diunjurkan oleh pihak British pada awal permulaan kepada Gagasan Malaysia. Justeru itu, dalam bab ini nanti, pada akhirnya nanti akan dapat menjawab segala persoalan yang berkaitan dengan proses dekolonisasi British dan sehinggalah kepada senarai tuntutan hak autonomi Sarawak yang sebenarnya masih kekal di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia sehingga kini.

Objektif kedua pula adalah mengkaji perkembangan sejarah dalam bidang kuasa pendidikan yang dikaitkan dengan hak autonomi Sarawak yang telah dipindahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Objektif ini bermatlamat untuk menjelaskan kedudukan bidang kuasa pendidikan sebelum hari Malaysia dan selepas hari Malaysia di antara zaman pemerintahan kolonial dan juga selepas berada di dalam Persekutuan Malaysia. Selain itu, objektif ini juga bermatlamat untuk menjelaskan beberapa proses peralihan di dalam usaha untuk menyeragamkan

sistem pendidikan di dalam negara, namun masih menghormati semangat MA63 dalam soal bidang pendidikan. Di sebalik kekalutan mengenai bidang kuasa pendidikan di negeri ini telah terhakis semasa penubuhan Malaysia, objektif ini akan dapat merungkai kebenaran bahawa bidang pendidikan bukanlah suatu hak mutlak negeri ini sejak dari Penubuhan Malaysia lagi. Akan tetapi, bidang kuasa mengenai pendidikan adalah hak di bawah bidang kuasa Persekutuan. Pada akhirnya nanti, objektif ini akan dapat menjelaskan secara terperinci mengenai dasar pendidikan negara yang menyebabkan Sarawak perlu mengikut arus perdana dalam memastikan bahawa pelajar di negeri tersebut tidak ketinggalan dalam menerima pendidikan.

Objektif ketiga pula adalah menganalisis realiti pelaksanaan soal Borneonisasi yang dibangkitkan dan dituntut berdasarkan MA63. Objektif ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai proses peralihan jabatan kakitangan Persekutuan dan negeri dalam kalangan pegawai ekspatriat koloni di negeri ini sebelum penubuhan Malaysia. Objektif ini juga akan menjelaskan secara terperinci proses perundangan dan juga perundangan mengenai perjanjian yang telah ditandatangani oleh Kerajaan British, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah berkenaan dengan hak dan faedah persaraan yang diperolehi oleh pegawai ekspatriat. Pada akhirnya nanti, objektif ini akan mampu menjelaskan bahawa hak rakyat Sarawak dalam soal pengambilan kakitangan penjawat awam negara masih terpelihara selaras dengan semangat Borneonisasi yang telah dijamin di dalam Perlembagaan Malaysia.

Objektif yang keempat pula adalah menjustifikasikan isu-isu berbangkit yang sebenarnya tidak termasuk dalam peruntukan asal hak autonomi Sarawak sebagaimana yang termaktub dalam MA63. Objektif ini akan menyentuh mengenai isu minyak dan gas, royalti minyak dan gas yang dituntut oleh Sarawak. Melalui objektif ini juga, turut dijelaskan mengenai sejarah permulaan perlombongan minyak dan gas di Sarawak. Objektif ini turut akan mengulas lanjut mengenai tiga bukti kukuh yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dalam mempertahankan hak Sarawak seperti yang terkandung pada MA63. Antaranya adalah *Sarawak Alteration Boundaries 1954*, *Oil Mining Ordinance 1958 (OMO 1958)* dan *Sarawak Land Code* yang dikaitkan dengan hak Sarawak sebelum memasuki Penubuhan Malaysia 1963.

Pada akhirnya nanti, objektif ini nanti akan dapat menilai sejauh manakah pemberian hak yang diberikan kepada negeri Sarawak oleh penjajah British sebelum penubuhan Malaysia 1963 dapat mengatasi Perlembagaan Persekutuan Malaysia selepas tertubuhnya Malaysia pada tahun 1963. Kenyataan persoalan sejauhmanakah yang digunakan pada perenggan ayat di atas adalah berdasarkan kepada perubahan geo politik dunia dan di dalam Malaysia yang sedikit sebanyak memberikan kesan kepada sesuatu dasar dan akta yang digubal bagi kepentingan bersama.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini terangkum dalam sejarah perundangan dan berfokuskan kepada Perjanjian Malaysia 1963. Perjanjian ini telah ditandatangani bagi tujuan merealisasikan penubuhan Persekutuan Malaysia. Perjanjian ini yang lebih dikenali sebagai MA63 (*the Malaysia Agreement of 1963*) telah dimeterai di antara Malaya, Sabah, Sarawak dan Singapura pada 9 Julai 1963. Keseluruhan skop kajian adalah bertumpu kepada MA63 yang hanya memberi fokus kepada isu-isu terpilih yang berkaitan dengan negeri Sarawak sahaja. Tumpuan kajian ini bertumpu kepada negeri Sarawak kerana negeri ini dilihat begitu lantang dalam memperkatakan hak negeri melalui MA63. Walau bagaimanapun, hanya setelah lebih 56 tahun negeri ini merdeka dalam Penubuhan Malaysia, persoalan mengenai tuntutan hak negeri menerusi MA63 berterusan dibangkitkan sehingga menimbulkan semangat kenegerian dalam kalangan warga negeri ini. Latar kajian ini bertumpu khas hanya kepada negeri Sarawak dan isu yang dikaji adalah dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Dalam kajian ini, hanya tiga sahaja isu yang dikaji iaitu isu pendidikan, isu borneonisasi dan isu royalti minyak dan gas. Pemilihan pengkajian untuk tiga isu ini adalah disebabkan oleh kelantangan pemimpin dalam negeri Sarawak pada mutakhir ini bagi memperjuangkan hak negeri yang disandarkan kepada MA63. Skop kajian ini berakhir pada tahun 2018 kerana dapatan kajian yang diperolehi adalah terhenti setakat pada tahun 2018. Hal ini adalah disebabkan lingkungan tahun dokumen yang diperolehi dan digunakan oleh pengkaji berakhir pada tahun tersebut. Dokumen mahupun data yang diperolehi sebenarnya adalah dianggap sulit oleh beberapa

ketidakpuasan hati, anggapan yang negatif terhadap Kerajaan Persekutuan dan rakan di Semenanjung Malaysia sehinggakan kebelakangan ini perpaduan kaum terjejas akibat daripada semangat kenegerian dan juga persoalan berkaitan hak yang sepatutnya diperolehi oleh rakyat di tanah Borneo.

1.6 Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, kaedah yang digunakan meliputi kaedah bacaan serta lisan. Bentuk sumber pula adalah terdiri daripada penggunaan sumber bahan primer, sumber sekunder dan juga sumber lisan. Sumber primer yang dimaksudkan adalah daripada penggunaan *hansard* iaitu minit perbahasan oleh ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak semasa bersidang yang diperolehi daripada DUN. Selain daripada itu, *handsard* daripada Parlimen Malaysia dan Dewan Rakyat serta Dewan Negara juga digunakan untuk mendapatkan maklumat primer bagi melengkapkan kajian ini. *Handsard* penting digunakan untuk membahaskan segala isu pindaan perlembagaan yang dibangkitkan sebagai jawapan tindak balas kepada pindaan serta pelaksanaan apa sahaja tuntutan yang dilontarkan dari pemimpin atau wakil kaum. Selain itu, sumber primer seperti *Sarawak Gazette* juga penting digunakan untuk mencari segala isu yang berkaitan dengan MA63. Sumber primer berkaitan telah diakses dari perpustakaan Dewan Undangan Negeri Sarawak, Parlimen Britain, Parlimen Malaysia, Pusat Repositori Negeri Sarawak dan Arkib Negara Cawangan Sarawak.

Sumber sekunder yang digunakan terdiri dalam bentuk buku, artikel jurnal akhbar, tesis dan sumber internet. Sumber ini penting dalam meneliti perbincangan isu yang telah ditulis oleh penulis lain mengenai perjalanan ke arah pembentukan Malaysia. Sumber sekunder juga penting untuk mendapatkan pelbagai perspektif dan pandangan serta maklumat mengenai sejarah penubuhan Malaysia. Selain itu, sumber sekunder ini penting dalam menilai semula hasil kajian lepas yang telah dilakukan untuk rujukan, membuat perbandingan isu yang dikemukakan dari tahun ke tahun mengenai peristiwa bersejarah pembentukan Malaysia. Selain itu, sumber sekunder juga penting dalam mencari peristiwa yang lepas serta gambaran sebenar mengenai situasi peristiwa pembentukan Malaysia. Sumber sekunder ini banyak penulis dapati di internet, *National Library of Australia*, Arkib Negara Cawangan